

**Fikirkan Sebuah Kerajaan Stabil Daripada Perkara Remeh - Najib
Bernama
25 April, 2013**

PEKAN, 25 April (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak meminta rakyat tidak memberatkan perkara remeh temeh, sebaliknya memikirkan soal lebih besar dalam membentuk sebuah kerajaan yang kukuh pada pilihan raya umum ke-13 ini.

Perdana Menteri berkata jangan disebabkan 'hujan sehari, habis kemarau lima tahun', yang bermaksud segala kebaikan yang dilakukan kerajaan BN selama ini, dinafikan hanya kerana perkara remeh temeh.

"Kita harus memikirkan kepada soal-soal lebih besar daripada perkara remeh yang mengalih sokongan.

"Ini bukan bererti perkara itu tidak penting, seperti masalah tak ada titi kecil di depan rumah atau sebagainya (masalah-masalah setempat), kita alih pandangan kita (kepada pembangkang)," katanya ketika berucap di bilik gerakan pilihan raya Pusat Daerah Mengundi (PDM) Serambit, di sini, Rabu malam.

Najib, yang juga penyandang kerusi Parlimen Pekan, berkata rakyat perlu menilai kerajaan BN yang selama ini sanggup 'bersusah senang' bersama rakyat.

"Susah senang kita bersama, bukan dengan orang luar (pembangkang), takkan lah kita nak lupa apa yang kita dibantu selama ini, jangan disebabkan hujan sehari habis kemarau lima tahun," katanya.

Beliau juga berharap pengundi di Parlimen Pekan terus memberi sokongan supaya BN memperoleh majoriti yang lebih besar pada pilihan raya umum, 5 Mei ini.

"Secara kebetulan, calon Parlimen Pekan adalah calon ketua kerajaan, ini juga kali pertama saya bertanding atas tiket mewakili BN, bukan sahaja sebagai calon Pekan tetapi Pengerusi BN," katanya.

Najib berkata kemenangan dengan majoriti yang besar di Pekan akan menjadi penilaian kepada sokongan rakyat kepada BN dan beliau sebagai Pengerusi BN dan ketua negara.

Beliau berkata rakyat perlu sedar bahawa tujuan pilihan raya adalah untuk menubuhkan sebuah kerajaan di peringkat nasional dan negeri.

Najib berkata jika BN terus kekal mentadbir negara, maka akan lebih banyak pembangunan yang akan dapat dinikmati penduduk di Pekan.

Najib yang tiba dari lawatan padat selama dua hari di Sabah, terus meluangkan masa melawat Bilik Gerakan Pilihan Raya PDM Lepar, Pulau Manis, Paloh Hinai, Serambi, sebelum meneruskan lawatannya ke Padang Rumbia, Kampung Temai dan Kampung Aceh.

Turut serta dalam lawatan itu penyandang calon BN kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Manis, Khairuddin Mahmud serta Timbalan Ketua Umno Bahagian Pekan Datuk Ishak Mohamad, penyandang DUN Bebar serta calon muka baharu BN DUN Bebar, Mohamad Fakhruddin Mohd Arif.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=944933>